



KOD **TATAKELAKUAN**

Di LORD, kami ghairah tentang inovasi dan kerjasama. Kami memberi fokus dan tumpuan kepada transformasi idea-idea inovatif sehingga terciptanya suatu ciptaan yang tak ternilai harganya bagi mereka yang berkepentingan. Kami percaya perniagaan mesti dijalankan secara berintegriti, dengan standard etika yang tinggi, dan menyediakan persekitaran kerja yang mementingkan maruah, keselamatan dan kesejahteraan pekerja.

Kod Tatakelakuan LORD mewujudkan rangka kerja yang berpusatkan kepercayaan kami dan mengariskan harapan jelas LORD akan tingkah laku yang diinginkan. Kod ini direka untuk memberikan anda bimbingan dan menyediakan bantuan dalam menangani cabaran etika yang anda mungkin hadapi. Kod ini tidak akan meliputi semua keadaan yang memerlukan anda membuat pilihan dan keputusan. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan tambahan, jangan teragak-agak untuk bertanya kepada pengurus anda atau mana-mana ahli Jawatankuasa Pematuhan Korporat LORD sehingga anda memahami dengan jelas tentang tingkah laku yang diinginkan LORD.

Lembaga Pengarah LORD, pelanggan kita, pembekal kita, dan pihak-pihak berkepentingan yang lain mengharapkan kita beroperasi dengan penuh integriti dan selaras dengan prinsip dan tingkah laku yang dibentangkan dalam Kod ini.

Setiap pekerja LORD Corporation dan sekutu-sekutunya, termasuk rakan usahasama, dan Lembaga Pengarah LORD Corporation dikehendaki membaca, memahami dan mematuhi tingkah laku yang dinyatakan dalam Kod ini.

Anda bertanggungjawab untuk melaporkan tingkah laku yang melanggar Kod ini. Polisi kita melarang sebarang bentuk tindakan balas terhadap anda yang cuba memenuhi kewajipan ini. Kaktungan yang menguruskan pekerja lain mempunyai tanggungjawab tambahan untuk menyampaikan sokongan dan harapan mereka agar Kod dipatuhi pekerja mereka dan menggalakkan budaya, di mana kelakuan beretika diiktiraf, dihargai, dan dirasai di setiap lapisan organisasi.

TERIMA KASIH ATAS KOMITMEN ANDA SEMUA TERHADAP KOD KITA.

Gen. James F. Amos, USMC, (ret.)
Pengerusi
LORD Corporation

Ed L. Auslander
President dan CEO
LORD Corporation

Tanggungjawab	4
Kepercayaan	4
Sumber Manusia	5
Perniagaan	6
Kualiti	6
Perdagangan	6
Persaingan Yang Adil	7
Pelanggan dan Pembekal	7
Kontrak Kerajaan	8
Perlindungan Aset dan Maklumat	8
Harta Intelek dan Maklumat Proprietari	8
Harta dan Aset Fizikal	8
Komunikasi Media Sosial dan Maklumat Elektronik	9
Penyimpanan Rekod	9
Ketepatan Perakaunan dan Rekod	9
Percanggahan Kepentingan	9
Hadiah dan Hiburan	10
Pencegahan Rasuah	12
Rasuah	12
Bayaran Pemudahan	12
Rakan Perniagaan	13
Kewarganegaraan	14
Alam Sekitar	14
Penglibatan Dalam Komuniti	14
Sumbangan Amal dan Penajaan	14
Sumbangan dan Tajaan Politik	15
Program Pematuhan Korporat	16
Jawatankuasa Pematuhan Korporat	16
Latihan	16
Membuat Laporan	17
Siasatan	18
Tindakan Balas	18
Tindakan Disiplin	18
Hotline	18



TANGGUNGJAWAB & KEPERCAYAAN



TANGGUNGJAWAB

Kod Tatakelakuan LORD ini (“Kod”) harus dipatuhi oleh semua pekerja LORD Corporation dan sekutu-sekutunya, termasuk rakan usahasama, dan Lembaga Pengarah LORD Corporation.

Penggunaan “Kami” dan “Kita” dalam Kod ini mewakili semua pekerja LORD Corporation dan sekutu-sekutunya, termasuk rakan usahasama, dan Lembaga Pengarah LORD Corporation.

Kita dikehendaki memahami dan mematuhi Kod ini.

Pegawai, Pengarah, Pengurus dan Penyelia bertanggungjawab menyampaikan sokongan dan harapan mereka agar pekerja mereka mematuhi Kod ini.

KEPERCAYAAN

Teras kepercayaan LORD termasuk maruah, keselamatan, kesejahteraan, integriti dan tingkah laku beretika, serta inovasi pekerja.

Kami percaya bahawa kepentingan menjalankan perniagaan dengan berintegriti dan tahap etika yang tinggi setaraf dengan kepentingan menyediakan lain-lain perkhidmatan bernilai kepada pelanggan, pekerja, dan masyarakat kami.

Kami komited dalam mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan dengan perniagaan kami.

Kami menyokong Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menentang Rasuah dan sepuluh prinsip Pakatan Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mewakili nilai-nilai teras dalam bidang hak asasi manusia, buruh, alam sekitar, dan pencegahan rasuah.

<http://www.unglobalcompact.org/aboutthegc/thetenprinciples/index.html>

SUMBER MANUSIA

LORD komited dalam melindungi hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, dan melibatkan diri dalam amalan pekerjaan yang adil.

LORD komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat, menghormati, dan kepelbagaian budaya, yang menggalakkan kesihatan, kesejahteraan, dan pendidikan yang berterusan.

- Kami akan mematuhi semua undang-undang pekerjaan dan buruh di semua lokasi kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada, menghormati kebebasan berpersatuan, privasi, peluang pekerjaan sama rata, buruh kanak-kanak, waktu kerja, dan hak pampasan yang munasabah.
- Kami tidak akan menggunakan tenaga kerja paksaan atau buruh suka-rela.
- Kami melarang tindakan ganas atau mengancam secara lisan, fizikal, atau dengan bersenjata (*Policy 14-83 Employee Conduct*).
- Kami melarang bekerja di bawah pengaruh dadah atau alkohol haram (*Policy 14-81 Drug and Alcohol-Free Workplace*).
- Kami melarang gangguan terhadap mana-mana pekerja oleh pekerja lain atau pihak ketiga (*Policy 14-94 Harassment*).
- Kami melarang diskriminasi terhadap pekerja berdasarkan jantina, bangsa, kecacatan, asal-usul, agama, umur, atau orientasi seksual (*Policy 14-64 Workforce Diversity*).



PERNIAGAAN

KUALITI

LORD komited dalam menyediakan produk dan perkhidmatan yang konsisten dan memenuhi aspirasi pelanggannya dari segi kualiti dan nilai (*Policy 10-57 Quality Management*).

Kami akan sentiasa memantau dan memperbaiki proses kami untuk memastikan kepuasan pelanggan secara keseluruhan, mencapai objektif kualiti kami, dan berkongsi amalan terbaik.

PERDAGANGAN

LORD mewajibkan pematuhan dengan semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan yang mengawal pengeksportan, pengeksportan semula, pemindahan semula, dan pengimportan komoditi dan data teknikal (*Policy 10-63 Global Trade Compliance-Export and Import Compliance Administration and the LORD Export Control Manual (LECM)*).

- Kami mengikuti semua undang-undang kawalan perdagangan dan peraturan-peraturan yang terpakai kepada perniagaan dan lokasi kami.
- Kami tidak akan mengeksport, mengeksport semula, memindahkan semula, atau mengimport sekiranya ia melanggar undang-undang kawalan eksport.
- Kami akan mengkaji dan mematuhi polisi pematuhan perdagangan, prosedur, atau arahan kerja yang relevan dengan fungsi kerja kami.

PERSAINGAN YANG ADIL

LORD komited untuk berurus niaga secara terbuka dan adil dengan pembekal dan pelanggannya. Kami akan mematuhi secara tersurat dan tersirat semua undang-undang persaingan berkenaan dengan kepentingan perniagaan dan operasi kami.

Undang-undang persaingan secara amnya melarang perjanjian-perjanjian anti-persaingan, seperti berpaktat dengan pesaing untuk menetapkan harga atau membahagikan pasaran. Terdapat beberapa amalan yang, di bawah keadaan tertentu, mungkin melanggar undang-undang persaingan.

- Kami tidak akan membuat sebarang percubaan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika untuk menghalang atau mengehadkan saingen sehingga ianya melanggar undang-undang persaingan.
- Kami akan mengelakkan hubungan yang boleh menimbulkan fitnah.
- Kami tidak akan berbincang atau bertukar-tukar harga dengan pesaing kami.
- Kami akan segera meninggalkan mesyuarat dan menghubungi Bahagian Undang-undang LORD jika pesaing berbincang mengenai wilayah, perkongsian pelanggan, harga, atau pengawalan jualan produk.
- Kami akan menghubungi Bahagian Undang-undang LORD sebelum meneruskan dengan sebarang amalan yang kami tidak pasti atau yang boleh dianggap sebagai melanggar undang-undang persaingan.

PELANGGAN DAN PEMBEKAL

LORD komited untuk membina hubungan perniagaan yang kukuh dengan pelanggan dan pembekalnya. Kami akan memastikan hubungan ini berdasarkan prinsip integriti, tahap etika yang tinggi, dan pematuhan dengan semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan dengan kepentingan perniagaan dan operasi kami.

- Kami akan membuat keputusan pembelian berdasarkan kriteria perniagaan yang sesuai seperti harga, kualiti, kepimpinan teknikal, kebolehpercayaan, dan reputasi pembekal (*Policy 10-55 Purchasing Operating*).
- Kami akan menggambarkan kualiti, ciri-ciri, atau potensi bahaya produk kami secara jujur.
- Kami akan jujur dalam menyediakan tawaran dan merundingkan kontrak.
- Kami tidak akan membuat kenyataan palsu tentang pesaing kami.
- Kami tidak akan terlibat dalam sebarang amalan perdagangan yang tidak adil, mengelirukan atau memperdayakan.
- Kami akan mematuhi semua undang-undang apabila mengumpul maklumat saingen.
- Kami akan mendedahkan sebarang percanggahan kepentingan dengan pelanggan dan pembekal kepada Jawatankuasa Pematuhan Korporat.





KONTRAK KERAJAAN

LORD komited untuk bertindak secara jujur dan integriti dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan semasa menjalankan perniagaan dengan pegawai-pegawai kerajaan di mana-mana negara.

- Kami akan mematuhi polisi, undang-undang dan peraturan-peraturan perolehan yang berkenaan apabila menjual barang atau perkhidmatan kepada mana-mana kerajaan.
- Kami tidak akan membuat bayaran yang tidak wajar untuk mendapatkan kontrak kerajaan.

PERLINDUNGAN ASET DAN MAKLUMAT

Harta Intelek dan Maklumat Proprietari

LORD komited untuk melindungi aset harta intelek serta maklumat sulit dan proprietari LORD, termasuk aset dan maklumat pelanggan dan rakan niaganya.

Kami akan mematuhi *Policy 15-53 Protection of Confidential Information and Trade Secrets*.

Harta dan Aset Fizikal

LORD komited dalam melindungi harta dan aset fizikalnya. Kehilangan, kecurian, dan penyalahgunaan aset LORD mempunyai kesan langsung ke atas keuntungan perniagaan. Aset-aset fizikal termasuk inventori, rekod, peralatan, peralatan komunikasi, komputer, dan bekalan.

- Kami akan melindungi akses ke kemudahan kami dan akan mematuhi keperluan kemasukan, keluar, dan lencana seperti yang dikehendaki oleh polisi dan peraturan kemudahan berkenaan.
- Kami akan mengikut garis panduan keselamatan yang direka untuk melindungi kawasan pekerja, kemudahan, maklumat dan teknologi.
- Kami akan menggunakan aset di bawah kawalan kami secara bertanggungjawab dan memastikan ianya tidak dicuri, dibuang, atau disalahgunakan.

Komunikasi Media Sosial dan Maklumat Elektronik

LORD mengiktiraf kelaziman penyertaan pekerja dalam catatan internet peribadi dan aktiviti media sosial.

- Kami akan mematuhi *Policy 16-53 Personal Internet Posting and Social Media Activity* jika aktiviti media sosial kami ada kaitan dalam apa jua cara dengan LORD, pekerjanya, produknya, pelanggannya, atau hasilnya.
- Kami akan mematuhi *Policy 15-57 Electronic Information and Communications*.

Penyimpanan Rekod

LORD komited untuk menguruskan pengekalan, penyimpanan, dan pelupusan rekod perniagaannya, tidak kira sama ada ianya berada dalam bentuk kertas, elektronik, atau format atau media lain, konsisten dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Rekod perniagaan akan dikekalkan selaras dengan jadual penyimpanan rekod dan polisi penyimpanan rekod yang berkaitan.

KETEPATAN PERAKAUNAN DAN REKOD

LORD mewajibkan semua urus niaga kewangan direkodkan dengan cara yang tepat untuk menggambarkan sifat sebenar transaksi tersebut, selaras dengan amalan perakaunan yang diterima dan semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

- Kami tidak akan mencipta rekod yang palsu, mengelirukan, atau tiruan dengan tujuan untuk menyembunyikan penyelewengan.
- Kami akan bekerjasama dengan juruaudit dalaman dan juruaudit bebas dalam hal-hal yang berhubung dengan perniagaan LORD.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Percanggahan kepentingan timbul apabila kepentingan, tugas, kewajipan, atau aktiviti pekerja atau ahli keluarga pekerja memang, atau mungkin, bercanggah atau tidak serasi dengan kepentingan LORD.

- Kami akan memaklumkan hubungan perniagaan yang mungkin menimbulkan percanggahan kepentingan kepada Jawatankuasa. Semasa membuat pengakuan Ikrar Kod Tahunan, setiap individu dikehendaki memaklumkan kemungkinan percanggahan kepentingan.
- Kami akan memaklumkan kemungkinan percanggahan kepentingan berhubung pertalian keluarga kepada Jabatan Sumber Manusia (*Policy 14-70 Employment of Immediate Family Members/Related Persons*).





Berikut adalah contoh kemungkinan percanggahan kepentingan:

- Mempunyai kepentingan kewangan atau peribadi di dalam syarikat yang menjalankan perniagaan dengan LORD;
- Mengambil pembekal, pengedar atau ejen lain yang diuruskan atau dimiliki oleh saudara sendiri;
- Jawatan diselia secara langsung oleh ahli keluarga sendiri; dan
- Mempunyai hubungan romantik dengan seseorang yang menyelia jawatan anda secara langsung.

HADIAH DAN HIBURAN

Kami menyedari bahawa hadiah dan hiburan sering bertukar ganti ketika membina hubungan perniagaan, tetapi kami juga akui bahawa hadiah dan hiburan boleh mempengaruhi atau kelihatan sebagai mempengaruhi bagaimana keputusan dibuat.

LORD melarangkan tawaran atau penerimaan hadiah atau hiburan yang boleh dianggap sebagai rasuh, permintaan untuk layanan istimewa, atau cubaan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan.

- Kami tidak akan menawarkan atau menerima hadiah wang tunai atau seumpamanya (program ganjaran pengiktirafan pekerja LORD dikecualikan).
- Kami tidak akan menawarkan hadiah yang nilainya melebihi kebiasaan dan piawaian serta adat resam tempatan atau melanggar undang-undang tempatan.
- Kami tidak akan menawarkan atau menerima hiburan yang tidak selaras dengan amalan perniagaan lazim.
- Kami tidak akan menawarkan atau menerima hiburan yang bersifat seksual.
- Kami tidak akan menawarkan atau menerima hadiah yang bersyarat.
- Kami tidak akan memberi atau menerima hadiah ketika dalam proses tawaran atau rundingan.
- Kami tidak akan menawarkan atau menerima hiburan dalam usaha untuk mempengaruhi hasil rundingan atau pembelian.

Hadiah dan hiburan yang diterima mestilah memenuhi kriteria berikut:

- Diberikan atau diterima tanpa mengingkari kehendak undang-undang dan sesuai dengan hubungan perniagaan dan amalan perniagaan;
- Diberikan tanpa mengingkari kod tatakelakuan penerimanya;
- Dilaporkan dengan tepat dalam rekod perakaunan;
- Diberikan atau diterima tanpa obligasi atau jangkaan untuk dibalas;
- Diberikan atau diterima dengan jelas sebagai tanda penghargaan;
- Diberikan atau diterima hanya sekali-sekala;
- Boleh dilihat oleh orang ramai sebagai boleh diterima dan nilainya berpatutan; dan
- Diberikan atau diterima secara terbuka.

Hadiah dan hiburan berikut secara umumnya boleh diterima:

- Hadiah bukan tunai yang bernilai nominal (contohnya coklat, bakul buah, bunga);
- Hadiah yang mengandungi nama syarikat atau imej produk yang nilainya tidak ketara; dan
- Makan tengahari atau makan malam perniagaan yang boleh dianggap oleh orang ramai sebagai sesuai.

Kami akan mendapatkan pra-kelulusan Presiden serantau atau Pegawai bertauliah jika hadiah dan hiburan secara jelas tidak memenuhi kriteria yang umumnya boleh diterima dan melaporkan butiran kepada pegawai kewangan serantau dan Jawatankuasa Pematuhan Korporat.

Interaksi dengan pegawai-pegawai kerajaan, termasuk pekerja syarikat-syarikat milik kerajaan atau yang dikawal kerajaan mungkin tertakluk kepada undang-undang tertentu. Sila berhubung dengan Jabatan Undang-undang LORD untuk panduan khusus mengenai hadiah dan hiburan yang boleh ditawarkan kepada pegawai kerajaan.





PENCEGAHAN RASUAH

LORD komited dalam membentras rasuah dalam semua bentuk, termasuk peras ugut dan sogokan, dan dalam membangunkan program untuk melaksanakan dan menyokong prinsip-prinsip ini.

Rasuah

Rasuah adalah suatu tawaran atau penerimaan sebarang jenis hadiah, pinjaman, yuran, ganjaran, atau keistimewaan lain kepada atau daripada sesejapa sebagai galakan untuk melakukan sesuatu yang tidak jujur, menyalahi undang-undang, atau melanggar amanah. Rasuah mungkin dibayar dalam bentuk samaran sebagai komisen, hadiah, manfaat, khidmat, atau derma.

- LORD melarang tawaran atau penerimaan sogokan dalam apa jua bentuk.
- Keengganan membayar rasuah, walaupun ia mungkin mengakibatkan kehilangan peluang perniagaan, tidak akan menyebabkan penurunan pangkat, penalti, atau lain-lain kesan buruk.

Bayaran Pemudahan

Bayaran pemudahan adalah bayaran yang dibuat untuk mendapatkan atau mempercepatkan prestasi sesuatu tindakan atau perkhidmatan biasa yang penerima bayaran mempunyai kelebihan undang-undang atau hak lain. Bayaran pemudahan berlaku apabila seseorang menggunakan kedudukan kuasanya (kuasa untuk melaksanakan tindakan atau perkhidmatan biasa) untuk menuntut bayaran untuk melaksanakan, mempercepatkan, atau tidak melakukan tindakan yang normal.

- LORD melarang bayaran pemudahan
- Keengganan memberikan bayaran pemudahan, walaupun ia mungkin mengakibatkan kehilangan peluang perniagaan, tidak akan menyebabkan penurunan pangkat, penalti, atau lain-lain kesan buruk.

Di bawah ialah contoh-contoh situasi di mana permintaan untuk bayaran pemudahan biasa dibuat:

- Mendapatkan permit, lesen, atau lain-lain dokumen rasmi;
- Memproses dokumen kerajaan (contohnya visa, pesanan kerja);
- Menyediakan perlindungan polis, pengambilan dan penghantaran mel;
- Menjadualkan pemeriksaan yang dikaitkan dengan prestasi kontrak atau berkaitan dengan pengangkutan barang merentasi negara;
- Menyediakan perkhidmatan telefon, elektrik, dan bekalan air;
- Memuatkan dan memunggah kargo atau melindungi produk atau komoditi yang mudah rosak daripada kemusnahan; dan
- Pelepasan kastam.

Rakan Perniagaan

Rakan Perniagaan adalah ejen, pengedar, wakil, perunding, kontraktor, pengantar fret, dan lain-lain yang bertindak bagi pihak LORD. Perbuatan rasuah biasanya melalui saluran, dan salah satu saluran yang paling biasa ialah melalui Rakan Perniagaan. Ini boleh berlaku apabila sesebuah syarikat sengaja menggunakan Rakan Perniagaan untuk membuat bayaran yang tidak sepatutnya atau apabila Rakan Perniagaan sendiri membuat pembayaran yang tidak sepatutnya untuk mencapai kewajipan kontrak mereka.

- LORD mlarang pembayaran yang tidak sepatutnya dibuat melalui Rakan Perniagaan.
- Kami aktif dalam mencari Rakan Perniagaan yang mengamalkan nilai yang sama dengan yang dinyatakan dalam Kod.
- Kami akan meminta Rakan Perniagaan mengesahkan bahawa mereka mengamalkan prinsip yang sama dengan yang dinyatakan dalam Kod dan memasukkan fasal pencegahan rasuah dalam perjanjian bertulis kami.



KEWARGANEGARAAN

ALAM SEKITAR

LORD komited untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar di lokasi di mana kami menjalankan perniagaan (*Policy 10-51 Environmental, Safety, and Health*).

LORD menyokong pendekatan proaktif dalam menangani cabaran alam sekitar, menjalankan inisiatif untuk menggalakkan tanggungjawab alam sekitar yang lebih besar, dan menggalakkan pembangunan dan penggunaan teknologi mesra alam.

- Kami akan menyediakan maklumat yang tepat kepada pihak berkuasa kerajaan berkaitan dengan permohonan kami untuk sebarang kelulusan permit alam sekitar, atau dalam mana-mana laporan yang kami perlu failkkan dengan mereka.
- Kami tidak akan membuat bayaran yang tidak wajar untuk mendapatkan permit, lesen, sijil, atau untuk menyelesaikan sebarang isu alam sekitar yang lain.

PENGLIBATAN DALAM KOMUNITI

LORD menggalakkan penglibatan kemasyarakatan melalui sumbangan amal, kebajikan, dan aktiviti politik.

Sumbangan Amal dan Penajaan

Sumbangan amal ialah pembayaran yang dibuat demi manfaat masyarakat, dari segi kebajikan, pendidikan, kebajikan sosial, dan seumpamanya. Pembayaran dibuat tanpa syarat balasan atau harapan pulangan perniagaan.

Penajaan ialah pembayaran oleh individu atau entiti untuk menyekutukan namanya dengan aktiviti atau organisasi lain dan menerima sebagai balasan yuran penajaan, hak, dan/atau faedah lain. Faedah-faedah ini termasuk penggunaan nama organisasi yang ditaja, kredit pengiklanan dalam media, peristiwa, dan penerbitan, menggunakan kemudahan dan peluang untuk mempromosikan nama, produk dan perkhidmatannya. Ini adalah suatu transaksi perniagaan dan sebahagian daripada promosi dan pengiklanan.

- Kami akan berhati-hati agar sumbangan amal dan penajaan tidak digunakan sebagai rasuah.
- Kami akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan.
- Kami akan mematuhi *Policy 10-56 Corporate Contributions*.

Sumbangan dan Tajaan Politik

Sumbangan politik termasuk sebarang sumbangan, sama ada dalam bentuk tunai atau kebendaan, untuk menyokong aspirasi politik. Sumbangan kebendaan termasuk hadiah, harta atau perkhidmatan, pengiklanan atau aktiviti promosi yang menyokong sesbuah parti politik, pembelian tiket ke acara mengumpul dana dan sumbangan kepada organisasi penyelidikan yang mempunyai pertalian rapat dengan parti politik.

LORD menggalakkan semua pekerja menyertai proses politik secara peribadi dan menyokong parti-parti politik dan calon-calon pilihan mereka. Penyertaan dalam aktiviti politik, termasuk sumbangan masa atau sokongan kewangan, adalah keputusan peribadi dan secara sukarela.

Sumbangan dana Syarikat atau penggunaan aset atau kemudahan Syarikat untuk faedah parti atau calon politik di mana-mana jua di dunia adalah dilarang melainkan jika diluluskan terlebih dahulu oleh Jabatan Hal-Ehwal Kerajaan LORD dan Jabatan Undang-Undang LORD.

- Kami akan berhati-hati agar sumbangan politik tidak digunakan sebagai rasuah.
- Kami akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan.
- Kami akan mematuhi *Policy 10-56 Corporate Contributions*.



PROGRAM PEMATUHAN KORPORAT



PROGRAM PEMATUHAN KORPORAT

LORD mewujudkan Program Pematuhan Korporat (Program) untuk menyokong Kod ini dan kepercayaannya.

Aspek-aspek utama Program ini termasuk:

- Ketersediaan piawaian kelakuan yang tertulis;
- Jawatankuasa Pematuhan Korporat;
- Pendidikan dan latihan yang berterusan;
- Kaedah untuk melaporkan pelanggaran atau mendapatkan bimbingan;
- Penyiasatan, tindak balas, dan penguatkuasaan; dan
- Memantau dan mengaudit keberkesanan Program dan penambahbaikan yang berterusan.

JAWATANKUASA PEMATUHAN KORPORAT

LORD menubuhkan Jawatankuasa Pematuhan Korporat (“Jawatankuasa”) untuk memajukan dan menyelaraskan usaha-usaha program pematuhan dengan kepercayaannya. Jawatankuasa ini terdiri daripada Ketua Pegawai Undang-undang, Naib Presiden Sumber Manusia, Pengarah Audit Dalamran, dan Pengurus Kanan Pematuhan Global. Ketua Pegawai Undang-undang berfungsi sebagai Ketua Pegawai Pematuhan.

LATIHAN

LORD komited dalam menyediakan latihan kepada kakitangan untuk menyokong kepercayaannya, Kod, dan Program.

Kursus-kursus etika dan amalan perniagaan dalam bidang berikut boleh didapati di Pusat Pembelajaran Online LORD:

- Ikrar Tahunan Kepada Kod;
- Etika Umum;
- Pencegahan Rasuah dan Anti-Sogokan;
- Percanggahan Kepentingan;

- Persaingan yang Adil; dan
- Harta Intelek.

Kami akan menyudahkan semua kursus etika dan amalan perniagaan yang ditugaskan.

MEMBUAT LAPORAN

LORD komited untuk menyediakan kaedah pelaporan yang berkesan untuk pekerja melaporkan pelanggaran, mendapatkan bimbingan, dan memberi maklum balas.

Kami akan mendapatkan nasihat daripada Jawatankuasa dalam apa jua keadaan di mana undang-undang, peraturan, atau amalan perniagaan yang baik tidak diketahui, tidak jelas, mengelirukan, atau sukar untuk difahami.

Kami juga akan mendapatkan nasihat daripada Jawatankuasa jika undang-undang tempatan bercanggah dengan Kod.

Kami akan segera melaporkan sebarang kelakuan yang disyaki atau yang mungkin menyebabkan pelanggaran Kod.

Laporan pelanggaran, soalan, permintaan untuk mendapatkan nasihat, atau cadangan untuk penambahbaikan boleh dikemukakan melalui salah satu saluran berikut:

- Penyelia, Pengurus, Pengarah, Pegawai;
- Ahli Jawatan Kuasa;
- Laman Web atau telefon Hotline Etika LORD;
- Bahagian Sumber Manusia; dan
- Bahagian Undang-undang LORD

Penyelia, Pengurus, Pengarah, Pegawai, Jabatan Sumber Manusia, dan Jabatan Undang-undang LORD yang menerima laporan akan melaporkan dakwaan tersebut dengan segera kepada ahli Jawatankuasa atau melalui Hotline Etika LORD (Hotline).



PROGRAM PEMATUHAN KORPORAT



SIASATAN

LORD komited untuk menyiasat salah laku yang disyaki atau dilaporkan dengan cara yang hormat, sulit, dan saksama.

Jawatankuasa akan menerima notifikasi apabila terdapat laporan melalui Hotline dan akan mengikut prosedur siasatan yang standard.

Kami akan bekerjasama dan jujur semasa penyiasatan.

TINDAKAN BALAS

LORD menggalakkan pelaporan pelanggaran yang disyaki.

LORD melarang tindakan balas terhadap mereka yang melaporkan kemungkinan pelanggaran undang-undang atau Kod atau yang mengambil bahagian dalam penyiasatan. Tindakan balas hendaklah dilaporkan kepada ahli Jawatankuasa atau melalui Hotline. Sebarang laporan mengenai tindakan balas akan disiasat.

TINDAKAN DISIPLIN

LORD menguatkuaskan pematuhan dengan tindakan disiplin yang sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada penamatan pekerjaan.

Pelanggaran polisi yang material akan dibawa kepada perhatian Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Kewangan Lembaga Pengarah LORD Corporation.

HOTLINE

LORD Corporation bekerjasama dengan Global Compliance untuk menyediakan Hotline. Global Compliance adalah sebuah syarikat luar yang pakar dalam menyediakan kaedah bebas untuk melaporkan masalah etika. Hotline disediakan kepada semua pekerja dalam bentuk mekanisme yang mudah, selamat dan sulit untuk melaporkan kebimbangan mereka. Pilihan hubungan Hotline disenaraikan di bawah:

Laman web Hotline (pilihan anonymous): <https://lordethicshotline.alertline.com>

Laman web Hotline Eropah (pilihan anonymous): <https://lordethicshotlineeurope.alertline.com>

Telefon Hotline (pilihan anonymous):

<http://lordweb/corporatecompliance/LORDEthicsHotline/tabid/4098/Default.aspx>

PROGRAM PEMATUHAN KORPORAT

NEGARA	NOMBOR	BAHASA UTAMA (KEDUA)
Australia	1 800 20 8932, 1 800 14 1924	Bahasa Inggeris
Brazil	0800 891 4177	Portugis (Bahasa Inggeris)
Kanada	1 888 846 1802	Bahasa Inggeris
China (Utara)	10 800 711 0631	Mandarin (Kantonis, Bahasa Inggeris)
China (Selatan)	10 800 110 0577	Mandarin (Kantonis, Bahasa Inggeris)
Perancis	0800 90 1633	Bahasa Perancis (Bahasa Inggeris)
Jerman	0800 187 3586	Bahasa Jerman (Bahasa Inggeris)
Hong Kong	800 962 881	Kantonis (Bahasa Inggeris)
India	000 800 100 1075	Hindi (Bahasa Inggeris)
Indonesia	001 801 10, Akan dikenalpasti kemudian, 855 225 7060	Bahasa Indonesia (Bahasa Inggeris)
Itali	800 788 340	Bahasa Itali (Bahasa Inggeris)
Jepun	00531 11 4737, 0066 33 801237, 0034 800 900110	Bahasa Jepun (Bahasa Inggeris)
Korea (Selatan)	00368 11 0116, 00308 11 0518, 00798 1 1 004 0083	Bahasa Korea (Bahasa Inggeris)
Malaysia	1 800 80 3435	Bahasa Malaysia (Bahasa Inggeris)
Mexico	001 800 613 2737	Bahasa Sepanyol (Bahasa Inggeris)
Singapura	800 110 1519	Mandarin (Bahasa Inggeris)
Switzerland	0800 56 1525	Bahasa Itali (Bahasa Inggeris)
Taiwan	00801 10 4060	Mandarin (Bahasa Inggeris)
Thailand	001 800 11 008 3246	Thai (Bahasa Inggeris)
United Kingdom	0808 234 7051	Bahasa Inggeris
Amerika Syarikat	1 888 846 1802	Bahasa Inggeris

Kod ini tidak dimaksudkan sebagai senarai lengkap kelakuan yang diingini dan/atau dilarang daripada kakitangan dan orang-orang lain. Kod ini juga tidak bertujuan memberikan hak kepada mana-mana pihak selain daripada LORD dan kakitangannya, rakan usahasama dan ahli-ahli Lembaga Pengaruhnya.

LORD